

Polis Pahang lupus dadah RM23 juta

21 November 2017



KAKITANGAN berpakaian khas memasukkan dadah yang akan dilupuskan dalam sidang akhbar Pelupusan Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Pahang di Kuantan, semalam. - BERNAMA

Polis Pahang lupus dadah RM23 juta

KUANTAN 20 Nov. - Polis negeri akan melupuskan 12 jenis dadah bernilai lebih RM23 juta yang dirampas sepanjang tahun 2013 hingga 2016 di Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan esok.

Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Azri Ahmad berkata, pelupusan itu akan dilaksanakan pada pukul 9 pagi oleh kontraktor bertauliah dan profesional.

"Dadah yang akan dilupuskan ialah heroin seberat 1,281.61 kilogram (kg), methamphetamine (2.879 kg), ganja (10,059 kg), ketamin (371.04 gram), nimetazepam (950 gram), midazolam (5.70 gram) dan ekstasi (154.25 gram).

"Turut dilupuskan ialah ce-

cair ketum (4,395.77 liter), daun ketum (30.68 kg), kodein (157.32 gram), pil psikotropik (2.713 kg), serta lain-lain (115.88 gram)," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini hari ini.

Menurut Azri, kesemua dadah itu dilupuskan setelah mendapat perintah mahkamah apabila tempoh rayuan bagi hukuman yang dikenakan kepada pesalah kes terbabit tamat.

Sementara itu Azri berkata, sepanjang tempoh Januari hingga Oktober lalu, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri mencatatkan sebanyak 9,830 kes dan tangkapan seramai 11,296

orang berbanding 9,680 kes dan tangkapan seramai 10,880 orang bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Jelasnya, perbandingan itu menunjukkan peningkatan kes sebanyak dua peratus dan tangkapan sebanyak empat peratus.

"Bagi tempoh berkenaan, jumlah penyitaan harta juga mencatatkan peningkatan sebanyak 91 peratus daripada RM2.512 juta pada 2016 kepada RM4.798 juta sehingga Oktober tahun ini.

"Bagi rampasan dadah pula, sebanyak RM5.022 juta dirampas tahun ini berbanding RM4.096 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu," katanya.